



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENEROKAAN DINAMIKA INTIM PROFESIONAL
DI TEMPAT KERJA DALAM KALANGAN BELIA MUSLIM DI
SELANGOR, MALAYSIA***

MD. FARIDZ BIN ISMAIL

IPSAS 2021 1



**PENEROKAAN DINAMIKA INTIM PROFESIONAL
DI TEMPAT KERJA DALAM KALANGAN BELIA MUSLIM DI
SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

MD. FARIDZ BIN ISMAIL

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

September 2019

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

This thesis is dedicated to

My lovely my mom, my wife and kids:

*With love, respect and a bunch of memories
Indeed, we belong to Allah and indeed to Him we will return.*



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENEROKAAN DINAMIKA INTIM PROFESIONAL
DI TEMPAT KERJA DALAM KALANGAN BELIA MUSLIM DI
SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

MD. FARIDZ BIN ISMAIL

September 2019

Pengerusi : Profesor Ismi Arif Ismail, PhD
Institut : Pengajian Sains Sosial

Intim profesional di tempat kerja (IPDTK) adalah suatu fenomena yang sering berlaku dalam suasana kerja yang mana seringkali ditafsirkan dengan perspektif negatif. Namun, konsep berkenaan perhubungan ini mempunyai pelbagai perspektif yang dinamik yang mana kajian ini cuba merungkai permasalahan ini. Justeru, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif fenomenologi ini dengan menggunakan rekabentuk kajian temubual secara mendalam dengan informan yang terdiri daripada 13 orang belia muslim professional yang dipilih dengan teknik persempelan bertujuan untuk mendapatkan jawapan. Ini bagi mencapai objektif kajian iaitu; (1) untuk mendapatkan makna dinamika IPDTK perspektif belia muslim, (2) untuk memahami IPDTK yang berlaku dalam kalangan belia muslim, (3) untuk mengetahui kesan IPDTK kepada Pembangunan Belia Positif (PYD) dan (4) untuk mengetahui cara belia muslim menyantuni IPDTK. Hasil kajian daripada objektif pertama mendapati bahawa makna dinamika IPDTK berdasarkan magnitud yang merupakan tiga tema kategori iaitu hubungan keserakanan, hubungan intim profesional dan hubungan intim peribadi yang merangkumi sembilan subtema. Hasil kajian daripada objektif kedua pula mendapati bahawa IPDTK yang berlaku dalam kalangan belia muslim merupakan suatu proses yang panjang melibatkan hubungan interpersonal antara individu yang mana terdiri daripada tiga kategori tema iaitu berkenal-kenalan (taaruf), faham-memahami (tafahum) dan tolong-menolong (takaful) yang merangkumi 13 subtema. Berdasarkan objektif kajian ketiga pula dapat difahami bahawa IPDTK memberi kesan positif terhadap PYD yang mana merangkumi lima tema iaitu berkeyakinan, berkebolehan, keterikatan, berkeperibadian dan penyayang yang merangkumi sembilan subtema. Manakala hasil kajian terakhir untuk objektif kajian keempat didapati bahawa belia muslim menyantuni IPDTK dengan berpegang kepada prinsip Islam dan nilai profesional yang mana melibatkan empat kategori tema iaitu pegangan agama sebagai pendinding, menghormati jarak peribadi, sikap mengatasi intim peribadi negatif,

polisi hubungan profesional antara pekerja yang merangkumi tujuh subtema. Kesimpulan daripada kajian didapati bahawa asas IPDTK mempunyai dinamika perspektif iaitu suatu hubungan yang sangat akrab namun sangat profesional yang mempunyai tiga magnitud iaitu hubungan keserakanan, intim profesional dan intim peribadi. Oleh itu, bagi kajian yang akan datang, penyelidik mencadangkan agar kajian menilai perspektif belia untuk semua kaum samaada warga tempatan dan warga asing yang mana dilakukan secara kuantitatif di Lembah Kelang bagi memahami fenomena ini secara lebih mendalam dalam perspektif Malaysia.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**EXPLORING THE DYNAMIC OF PROFESSIONAL INTIMACY AT THE
WORKPLACE AMONG MUSLIM YOUTH IN SELANGOR, MALAYSIA**

By

MD. FARIDZ BIN ISMAIL

September 2019

Chairman : Professor Ismi Arif Ismail, PhD
Institute : Social Science Studies

Intimate Workplace Professional (IPDTK) is a phenomenon that mostly happens in the work environment and is often interpreted from a negative perspective. However, the concept of this relationship has a variety of dynamic perspectives that this study aims to reveal. For this reason, researchers use this qualitative method of phenomenology by means of an in-depth interview design with informants made up of 13 professional Muslim youths selected using purposive sampling techniques to obtain answers. This is to achieve the objectives of the research, namely: (1) to introduce the IPDTK dynamics of meaning from the perspective of Muslim youth, (2) to understand the IPDTK that occurs among Muslim youth, (3) to know the impact of IPDTK on positive youth development (PYD) and (4) to know how Muslim youth treat IPDTK. The results of the study from the first objective found that the meaning of IPDTK dynamics based on magnitude which is three themes category of collegiality, professional intimate relationships and personal intimate relationships that include nine sub-themes. The results of the second objective study found that the IPDTK that occurs among Muslim youth is a long process involving interpersonal relationships between individuals, which consists of three categories of themes namely acquaintance (taaruf), understanding (tafahum) and helping each other (takaful) which includes 13 sub-themes. Based on the objectives of the third study, it can be understood that IPDTK has a positive effect on PYD, which includes five themes, namely confidence, competence, connection, character and care which includes nine sub-themes. While the results of the last study for the fourth research objective found that Muslim youths respect IPDTK by adhering to Islamic principles and professional values which involves four categories of themes namely religious beliefs as a barrier, respect for personal distance, attitude to address negative personal intimacy, professional relationship policy between employees which includes seven sub-themes. The findings of the study found that the basis of IPDTK has a dynamic perspective that is a very similar but very professional relationship of three dimensions, namely collegiality, professional intimacy and personal intimacy.

For future studies, researchers therefore suggest that the study assesses the perspective of youth for all races, whether locals or foreigners, which is done quantitatively in the Klang Valley in order to understand this phenomenon more deeply from a Malaysian perspective.



PENGHARGAAN

Bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengannya saya memperolehi kekuatan untuk menyempurnakan tesis ini. Syukur alhamdulillah, ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan iaitu Prof. Dr Ismi Arif Ismail, Ahli Jawatankuasa Penyeliaan iaitu Prof. Dr Haslinda Abdullah dan Yang Berbahagia, Prof. Madya Dr. Soaib Asimiran. Bimbingan, tunjukajar, kritikan dan kesabaran semua penyelia telah banyak meningkatkan kemajuan penulisan tesis ini sehingga akhirnya telah dapat disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) UPM serta Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAID) serta kepada semua informan yang terlibat dalam kajian ini.

Buat Bonda yang dikasihi, Hajah Saodah binti Hj. Nawawi yang sentiasa mendoakan, buat isteri tersayang yang sentiasa penuh tabah, sabar dan berkorban jiwa dan raga demi kejayaan ini, Hajah Amnah binti Shariff. Juga buat anak-anak cahayamata Mama dan Babah yang dikasihi, Kakak Long Tasneem, Kak Ngah Wardah, Kak Uda Madihah, Kakak Hajar, Kakak Sumayyah serta Abang Yusuff yang begitu sabar menunggu ayahandanya menghabiskan pengajian yang sangat berliku-liku ini. Babah memohon sejuta kemaafan di atas pengorbanan masa kalian dan disaat kalian tumbuh dan membesar. Sebahagian masa anakanda korbankan demi ayahandanya untuk fokus dalam menuntut ilmu di bidang Phd ini. Tidak dilupakan juga buat seluruh ahli keluarga terutama adik-beradik, ipar-duai serta sahabat-sahabat sejawatan juga jiran-jiran yang sentiasa setiap saat mendoakan atas kejayaan ini.

Juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada guru yang paling saya hormati, yang begitu sabar memberi tujuk ajar, tidak kira malam atau siang, di rumah, di warung atau di kedai kopi yang sentiasa membimbing, mendengar dengan penuh tekun dan sabar iaitu penyelia tesis, Prof. Dr. Ismi Arif. Rakan-rakan guru yang secara langsung atau tidak langsung membantu seperti Dr. Md. Rozalafri Johari dan Dr. Mutalib bin Mohd Azim, juga rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan sokongan dan doa. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa dan pertolongan kalian

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

Ismi Arif Ismail, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Haslinda Abdullah, PhD

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Soaib Asimiran, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 08 April 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Md. Faridz bin Ismail, GS25740

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Dr. Ismi Arif Ismail

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Dr. Haslinda Abdullah

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Soaib Asimiran

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Permasalahan Kajian	2
1.4	Persoalan Kajian	4
1.5	Objektif	5
1.5.1	Kepentingan Terhadap Dasar-Dasar Kerajaan	5
1.5.2	Kepentingan Terhadap Polisi Organisasi	6
1.6	Skop Kajian	6
1.7	Takrifan Konsep	6
1.7.1	Dinamika	7
1.7.2	Belia muslim	7
1.7.3	Intim Profesional.	7
1.7.4	Keserakanan (<i>Collegiality</i>)	8
1.7.5	Komuniti Pengamal (CoP)	8
1.8	Rumusan	8
2	SOROTAN LITERATUR	9
2.1	Pengenalan	9
2.2	Intim Profesional di Tempat Kerja (IPDTK)	9
2.3	IPDTK mengikut Perspektif Barat	11
2.4	IPDTK mengikut perspektif Islam	12
2.5	Perbandingan IPDTK diantara perspektif Barat dan Islam	13
2.6	Bagaimana IPDTK bermula	14
2.7	Keserakanan, Intim Profesional dan Intim Peribadi	15
2.7.1	Hubungan Keserakanan di Tempat Kerja (<i>Collegiality</i>)	15
2.7.2	Intim Profesional (Professional Intimacy)	16
2.7.2.1	Mempunyai ' <i>Commond Ground</i> ' yang sama	16
2.7.2.2	Penyataan dan pengesahan (<i>Mitual Validation</i>)	17

2.7.2.3	Saling kagum mengagumi antara sahabatnya	17
2.7.2.4	Suasana sekeliling yang positif	17
2.7.2.5	Kepercayaan	18
2.7.2.6	Fasa Proses Pembentukan Hubungan Intim Profesional	18
2.7.2.7	Kerjasama dan boleh bertolak-ansur	19
2.7.3	Intim Peribadi (<i>Personal Intimacy</i>)	19
2.8	IPDTK dalam Komuniti Pengamal (CoP)	22
2.8.1	Komuniti Pengamal (CoP)	23
2.8.2	Komponen Konsep Pembelajaran dalam CoP	23
2.8.3	Memahami Komuniti Pengamal (CoP) dan Belia muslim	24
2.8.3.1	Domain	24
2.8.3.2	Komuniti	25
2.8.3.3	Pengamal	25
2.9	Konsep Hubungan Persahabatan Dalam Islam	25
2.9.1	Rukun Pertama - <i>Ta'aruf</i> (Saling Kenal-Mengenal)	26
2.9.2	Rukun Kedua – <i>Tafahum</i> (faham-memahami)	27
2.9.3	Rukun ke Tiga: <i>Takaful</i> (Saling bantu membantu)	27
2.10	Belia Muslim dan Kehidupan	29
2.11	Belia dalam Organisasi	31
2.12	Peranan Belia muslim sebagai Ahli Organisasi	32
2.13	Perspektif Belia Muslim terhadap Perhubungan	33
2.13.1	Perhubungan Manusia dengan Tuhan (<i>Hablum Minnallah</i>)	34
2.13.2	Hubungan Manusia dengan Manusia (<i>Hablum Minan'nas</i>)	35
2.14	Kepentingan Hubungan Kepada Belia	36
2.15	Persahabatan dan Hubungan <i>Ukhuwah Fillah</i>	37
2.16	Konsep Pembangunan Belia Positif (PYD)	37
2.17	Komponen 5C yang penting dalam PYD	38
2.17.1	Kompetensi (<i>Competence</i>)	38
2.17.2	Berkeyakinan (<i>Confidence</i>)	39
2.17.3	Karekter (<i>Character</i>)	39
2.17.4	Mempunyai Keterikatan (<i>Connection</i>)	40
2.17.5	Sifat Penyayang (<i>Caring</i>)	40
2.18	Belia dan Hubungan dengan Rakan Sekerja	40
2.19	Hubungan Persahabatan di Tempat Kerja	41
2.20	Konsep-Konsep Parameter Kajian	41
2.21	Rumusan Bab	44
3	METODOLOGI KAJIAN	45
3.1	Pengenalan	45
3.2	Kualitatif sebagai Kaedah Kajian	45
3.3	Justifikasi untuk pemilihan kajian Kualitatif	46
3.4	Kajian Fenomenologi	47
3.5	Penggunaan Pendekatan Kajian Kes	47
3.6	Pemilihan Gabungan Pendekatan Kajian Kes	49

3.7	Persediaan sebelum kelapangan	50
3.7.1	Mengenalpasti informan dan perundingan persetujuan	51
3.7.2	Peserta dan Informan Kajian	52
3.7.3	Pemilihan informan	53
3.7.3.1	Kriteria Pemilihan Informan	54
3.7.3.2	Kebenaran dan persetujuan informan.	54
3.7.3.3	Susunan temubual	55
3.7.3.4	Perakam Suara Digital	55
3.7.4	Tahap Ketepuan Data	56
3.7.5	Aktiviti Kerja di lapangan: Prosedur Pengumpulan Data	56
3.8	Kajian Rintis	57
3.9	Temubual berbentuk Semi Struktur	58
3.9.1	Teknik pencungkilan maklumat temubual	61
3.10	Analisis Dokumen	63
3.10.1	Analisis dan Interpretasi Data	63
3.10.2	Penggunaan Perisian Atlas.ti ver 7.5 dalam penganalisan data kualitatif	64
3.10.3	Penulisan Transkripsi Data daripada Temubual	65
3.10.4	Memberi kod dan mengelaskan tema-tema	66
3.11	Pembentukan tema	66
3.12	Langkah bagi menghasilkan tema-tema	67
3.13	Kebolehpercayaan dan Kesahan Kajian	68
3.13.1	Member Checks	68
3.13.2	Mengelakan Bias	68
3.13.3	Etika dalam kajian	69
3.14	Rumusan Bab	72
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	73
4.1	Pengenalan	73
4.2	Butiran Informan	73
4.3	Profil dan Latar belakang Informan	73
4.4	Tema-tema daripada analisis data	79
4.5	Tema dan sub tema yang dibentuk daripada Persoalan Kajian 1	80
4.6	PK 1: Apakah makna dinamika IPDTK perspektif belia muslim	80
4.6.1	Hubungan keserakanan	80
4.6.1.1	Persaudaraan Islam	84
4.6.1.2	Ukhuwah di tempat kerja	84
4.6.1.3	Saling percaya mempercayai	86
4.6.2	Hubungan intim professional	88
4.6.2.1	Mudah bekerjasama	89
4.6.2.2	Bertolak ansur dan bertimbang rasa	90
4.6.2.3	Saling kenal mengenali	90
4.6.3	Hubungan intim peribadi	92
4.6.3.1	Keserasian (<i>Chemistry</i>)	93
4.6.3.2	Empati dan sedia mendengar	94

	4.6.3.3	Tidak mengambil kesempatan	95
4.7	PK 2:	Bagaimanakah IPDTK berlaku dalam kalangan belia muslim	96
	4.7.1	Berkenal-kenalan (Taaruf)	96
	4.7.1.1	Hubungan tanpa dirancang	96
	4.7.1.2	Masa yang cukup saling mengenali	97
	4.7.1.3	Mempunyai minat yang sama	98
	4.7.1.4	Persamaan tingkah laku dan cara berfikir	98
	4.7.1.5	Saling mengenali keluarga dan pasangannya	100
	4.7.2	Faham-memahami (Tafahum)	100
	4.7.2.1	Keserasian dan frekuensi yang sama	101
	4.7.2.2	Kecenderungan berkongsi dan berbincang	102
	4.7.2.3	Memahami emosi dan empati	103
	4.7.2.4	Memahami aspirasi kumpulan	103
	4.7.3	Tolong-menolong (Takaful)	104
	4.7.3.1	Semangat kekitaan yang tinggi	105
	4.7.3.2	Saling mengalas tanggungjawab	105
	4.7.3.3	Bekerja atas dasar kekeluargaan	107
	4.7.3.4	Pembentukan kumpulan yang teguh	108
4.8	PK 3:	Sejauh manakah IPDTK memberi kesan kepada Pembangunan Belia Positif (PYD)	109
	4.8.1	Berkeyakinan (Confidence)	109
	4.8.2	Berkebolehan (Competence)	110
	4.8.2.1	Sokongan daripada ahli kumpulan	110
	4.8.2.2	Gabungan pengalaman ahli kumpulan	111
	4.8.3	Keterikatan (Connection)	111
	4.8.3.1	Sentiasa merujuk ahli kumpulan	112
	4.8.3.2	Ahli kumpulan sebagai keluarga	113
	4.8.4	Berkeperibadian (Character)	114
	4.8.4.1	Menjaga batas pergaulan	114
	4.8.4.2	Menghormati Jarak Peribadi	115
	4.8.5	Penyayang (Care)	117
	4.8.5.1	Berkorban mengalas tanggungjawab	117
	4.8.5.2	Sifat empati mengambil berat	119
	4.8.5.3	Perkongsi pengalaman urusan keluarga	120
4.9	PK 4:	Bagaimanakah belia muslim menyantuni IPDTK	121
	4.9.1	Pegangan Agama sebagai pendinding	121
	4.9.2	Menghormati jarak peribadi	122
	4.9.2.1	Menghormati ruang peribadi agar tidak dicerobohi	123
	4.9.2.2	Mengelak perbincangan silang jantina di tempat tertutup	124
	4.9.3	Bagaimana menyantuni intim peribadi negatif	125
	4.9.3.1	Tidak berkongsi masalah peribadi dengan rakan sekerja	125
	4.9.3.2	Kepercayaan terhadap pasangan masing-masing	126

	4.9.3.3	Penerapan nilai Islam di tempat kerja	127
	4.9.4	Polisi hubungan profesional antara pekerja.	128
	4.9.4.1	Penguatkuasaan polisi kakitangan- Intim profesional	128
	4.9.4.2	Integriti dalam organisasi	130
4.10		Rumusan Bab	132
5		RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	133
	5.1	Pengenalan	133
	5.2	Ringkasan	133
	5.3	Kesimpulan	135
	5.4	Kerangka Konseptual Hasil Kajian	136
	5.5	Implikasi	139
	5.6	Cadangan	139
	5.6.1	Cadangan kepada individu	139
	5.6.2	Cadangan kepada institusi	140
	5.6.3	Cadangan kepada polisi atau dasar	140
	5.7	Cadangan kepada kajian akan datang	140
	5.8	Rumusan Bab	141
		RUJUKAN	142
		BIODATA PELAJAR	167
		SENARAI PENERBITAN	168

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Tafsiran Umur Belia (Dasar Belia Negara, 2018)	32
2	Tarikh Temubual yang dijalankan	57
3	Senarai Semakan Persoalan Etika sebelum menjalankan temubual	71
4	Profil dan latar belakang Informan	74



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Perbezaan antara Keserakanan (<i>collegiality</i>), Intim Profesional (<i>professional intimacy</i>) dan Intim Peribadi (<i>personal intimacy</i>)	22
2	Memahami Komuniti Pengamal (CoP)	25
3	Tiga Rukun Persahabatan Dalam Islam (Abdul Halim, 2009)	29
4	Elemen 5C' dalam Pembangunan Belia Positif (Lerner & Lerner, 2012)	40
5	Konsep-Konsep Parameter Kajian	43
6	Kerangka Rekabentuk Kajian	48
7	Carta alir langkah-langkah dalam menghasilkan tema dan sub tema	67
8	Makna Dinamika IPDTK Perspektif Belia Muslim	96
9	IPDTK Dalam Kalangan Belia Muslim	109
10	Kesan IPDTK Kepada Pembangunan Belia Positif (PYD)	121
11	Cara Belia Muslim Menyantuni IPDTK	132
12	Dinamika Intim Profesional Di Tempat Kerja (IPDTK)	137

SENARAI SINGKATAN

IPDTK	Intim Profesional di Tempat Kerja
IDTK	Intim di Tempat Kerja
PYD	Positive Youth Development
CoP	Community of Practice
PK	Persoalan Kajian
BM	Belia muslim





© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini merangkumi latar belakang kajian, latar belakang masalah, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian serta limitasi kajian dan definisi istilah untuk meneroka proses dinamika intim profesional di tempat kerja dalam kalangan belia muslim di tempat kerja (IPDTK) di negeri Selangor. Cetusan daripada itu, maka timbul empat (4) persoalan kajian yang mana membawa kepada penyelidikan untuk mencapai empat (4) objektif kajian secara khusus. Selain daripada itu, penyelidik juga mengenalpasti kepentingan kajian agar ia menyumbang kepada keilmuan agar memberi manfaat dalam bidang ini. Walau bagaimanapun, sumbangan penyelidikan terbatas kepada skop kajian sahaja. Seterusnya bab ini turut menyenaraikan dan memberi definisi secara ringkas peristilahan konsep-konsep operasi yang menjadi asas kepada kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perhubungan di tempat kerja adalah perkara lumrah yang berlaku sepanjang kitaran kehidupan manusia (Obakpolo, 2015). Perhubungan ini membentuk perilaku dalam berinteraksi dan berkomunikasi bersama orang lain terutama ketika berada di alam pekerjaan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Randle et al., (2012) setiap pekerja memperuntukkan masa hampir 8 jam sehari atau 40 jam seminggu untuk berkomunikasi dan berhubung dengan keserakanan (Gordon & Hartman, 2009). Sudah tentulah dalam menjalankan rutin harian pekerjaan, mereka perlu berkomunikasi dan berhubung untuk memastikan perjalanan organisasi yang mereka ceburi tercapai (Dian Hikmah & Mohd Zaidi, 2016). Oleh kerana banyak masa dihabiskan di tempat kerja, maka lazimnya manusia akan membentuk hubungan persahabatan di tempat kerja. Individu tersebut akan membentuk persahabatan daripada pelbagai jenis keadaan hubungan (Pakeeza, Haris & Sajjad, 2011). Proses ini juga boleh melibatkan pelbagai jenis aras persahabatan, kemesraan, kasih sayang, keintiman dan kerjasama (Robert French, 2007; Randle, Gaylor, & Mathis, 2012). Ini kerana persahabatan merupakan suatu keadaan sebagai saling bergantung antara satu sama lain secara sukarela dan berlaku dari masa ke semasa dengan tujuan untuk memudahkan matlamat sosio-emosi (Fraser, 2015). Dalam keghairahan mereka bekerja dalam satu pasukan kerja, berkomunikasi dan berhubung, kerjasama yang sangat erat antara setiap individu perlu mengikuti undang-undang yang telah ditentukan, menumpukan perhatian antara satu sama lain serta menghormati setiap ahli dalam satu pasukan (Salman & Hassan, 2015).

Mengikut kajian oleh Institut Pembangunan Belia Malaysia, sehingga September 2012, jumlah penjawat awam daripada kalangan belia di Malaysia sahaja sudah mencapai 616,000 orang. Ini menunjukkan bilangan golongan belia yang sangat

besar dalam industri pekerjaan di Malaysia. Pada peringkat belia, hubungan dengan rakan sebaya menjadi salah satu perkara utama dalam norma kehidupan mereka (Oxenbridge & Evesson, 2012). Belia berkomunikasi dan saling berhubung sesama rakan sejawat di tempat kerja untuk mencapai objektif kumpulan kerja serta organisasi (Jones, 2009; Myrick et al., 2010). Malah berjumpa dan berbincang secara bersemuka menjadi aliran terkini golongan belia berkomunikasi (Destiana et al., 2013; Ayun, 2015). Cara bekerja belia masakini juga lebih mengutamakan kerja berpasukan dalam kumpulan. Belia kini juga lebih suka berbincang sebelum membuat sebarang keputusan (Azmi, Rahman & Anuar, 2006).

Namun begitu, ada sebahagian pekerja dalam kalangan belia muslim ini terlepas pandang bahawa hubungan rapat dan intim kadang-kadang tersasar dari tujuan asal mereka bekerja dalam satu pasukan. Semua perhubungan bentuk baharu ini menjadi alat untuk mereka bertemu dan berbincang serta menjadi sebahagian daripada budaya dan cara hidup belia masa kini serta sangat terdedah dengan fenomena hubungan intim (Myrick et al., 2010). Dalam konteks intim profesional di tempat kerja (Ariana Trevino, 2014), persahabatan yang terjalin di antara keserakanan ditakrif sebagai pergantungan secara sukarela antara pekerja dan ia berlaku daripada semasa ke semasa dengan tujuan untuk memudahkan matlamat sosio-emosi (Seok-Hwi Song, 2005). Proses ini juga melibatkan pelbagai jenis persahabatan, kemesraan, kasih sayang, keintiman dan kerjasama (Randle, Gaylor & Mathis, 2012). Mereka berhubung dan berkomunikasi untuk mencapai matlamat organisasi. Apabila membincangkan isu intim profesional di tempat kerja (IPDTK), belia Muslim juga tidak terkecuali daripada terlibat dalam fenomena ini.

1.3 Permasalahan Kajian

Intim di tempat kerja sering dipandang oleh masyarakat Malaysia sebagai sesuatu proses yang dikaitkan dengan perbuatan dan tingkah laku yang membawa kepada keburukan (Siti Fatimah, 1999). Ini kerana intim di tempat kerja dikaitkan dengan perlakuan negatif yang sering dilaporkan dalam media. Contohnya akhbar Utusan Malaysia (2011) melaporkan bagaimana kakitangan sebuah syarikat penerbangan negara ditangkap kerana terlibat dengan perlakuan seksual yang bermula dengan hubungan intim profesional di tempat kerja kemudian berlaku hubungan intim peribadi yang mengakibatkan terjerumus gejala negatif tersebut. Kes-kes yang melibatkan hubungan intim peribadi di tempat kerja ini bukan sahaja melibatkan syarikat swasta, malah ia juga berlaku pada organisasi kerajaan. Sebagai contoh laporan Utusan Malaysia, (2011) turut melaporkan kejadian seorang ketua pengarah di sebuah kementerian telah di tangkap bersama kakitangannya dan laporan Berita Harian, (2012) berkenaan tangkapan di Pulau Pinang ke atas seorang Timbalan Ketua Setiausaha sebuah Kementerian bersama pembantu peribadinya. Kes intim di tempat kerja turut berlaku dalam organisasi yang ternama seperti Google International Inc yang melibatkan kakitangan dengan kes hubungan intim di tempat kerja. Akibatnya individu tersebut ditamatkan perkhidmatannya kerana perlakuan tersebut dianggap mencemarkan reputasi Google (Robert French, 2007 & Kara Swisher, 2013).

Antara bentuk hubungan di tempat kerja yang kurang dibincangkan secara ilmiah adalah berkaitan keintiman di tempat kerja secara profesional. Berdasarkan data kes yang dirujuk ke pihak kaunseling agama, jelas menunjukkan bahawa masyarakat masih keliru dalam membezakan antara hubungan intim profesional dengan hubungan intim peribadi di tempat kerja. Ini kerana persahabatan bersama rakan sejawat di tempat kerja ini juga dikenali sebagai hubungan Intim Profesional Di Tempat Kerja (Berman, West, & Richter, 2002; Megan Donohoe, 2010; & Gilen, 2014) atau selepas ini diringkaskan dengan akronim IPDTK. Intim Profesional di tempat kerja (IPDTK) bermakna hubungan yang terjalin antara pekerja yang bekerja dalam suatu organisasi yang mana mereka berkomunikasi dan berhubung untuk mencapai matlamat organisasi (Rogers & Holloway, 1993). Antara sarjana awal yang menulis berkenaan penyelidikan ini adalah Rogers dan Holloway (1993) dan penulisan mereka bertajuk '*Professional Intimacy: Somewhere Between Collegiality and Personal Intimacy*'. Justru, ini jelas menunjukkan bahawa konsep IPDTK merupakan sesuatu yang baharu dan amat jarang dibincangkan mahupun diselidiki secara ilmiah dan empirikal dalam konteks Malaysia walaupun ia telah mula diperkatakan di barat semenjak tahun 1993 lagi.

IPDTK adalah perkara penting yang menjadi sebahagian daripada lumrah kitaran kehidupan manusia. Hubungan ini membolehkan kita berinteraksi dan berkomunikasi bersama orang lain. Di Barat, mereka memahami IPDTK sebagai hubungan persahabatan dan perkongsian daripada banyak aspek yang melibatkan perkongsian ikatan emosi serta mereka sendiri amat memahami persoalan diri masing-masing. Ia bermakna seseorang yang mempunyai rakan sekerja yang menjalin persahabatan yang intim dan proses ini berlaku dalam tempoh masa yang agak lama. Melaluinya, individu memahami sedikit sebanyak perkara yang melibatkan peribadi rakan sekerja seterusnya mendapat kepercayaan penuh daripada sahabatnya (Mallett-Hamer, 2005; Zelizer, 2009). Dalam konteks kajian ini, IPDTK merujuk kepada hubungan intim profesional yang positif dan sering dikatakan sebagai pemangkin kepada kerja berpasukan (Wan Idros & Maizatul Haizan, 2012). Ia bermakna hubungan yang terjalin dalam keadaan yang sangat mesra antara pekerja yang bekerja dalam suatu organisasi. Walaupun secara amnya hubungan seperti ini membawa konotasi yang positif, namun realitinya terdapat kes-kes penyimpangan dari tujuan asal IPDTK tersebut. Salah satu contohnya seperti tangkapan berkhawat sehingga mengakibatkan perceraian yang melibatkan golongan belia yang dibawa ke mahkamah yang asalnya bermula daripada hubungan IPDTK. Terdapat juga situasi permasalahan yang melibatkan perhubungan di tempat kerja yang mana IPDTK disalahguna oleh individu yang terlibat hingga terjebak kepada hubungan sulit dan akhirnya tersasar dalam gejala hubungan terlarang (Marican, 2008).

Walaupun maklumat mengenai fenomena IPDTK ini boleh didapati daripada dapatan kajian di Barat, perlu diingatkan bahawa sistem nilai di Barat adalah berbeza dengan sistem nilai, budaya dan agama di Malaysia. Malah, konsep dan model yang melibatkan IPDTK di Barat seperti *Community of Practice (CoP)* dan *Positive Youth Development (PYD)* tidak banyak meletakkan sistem nilai agama dan budaya sebagai asas utama perbincangan. Ini kerana di dalam konteks budaya timur yang mementingkan budaya kolektif seperti gotong-royong dan kerjasama di dalam masyarakatnya (Mohd Yusof et al., 2011). Para pekerja selalunya berkomunikasi

(Seok-Hwi Song, 2005) dan bergerak dalam satu kumpulan secara intim profesional. Oleh itu, nilai dan adab budaya serta agama (Ruhaizie Riyadzi, 2010) seringkali dijadikan pegangan hidup untuk melaksanakan tugas seharian.

Kelompangan daripada sudut budaya dan agama yang tidak disentuh oleh sarjana barat inilah yang dijadikan skop perbincangan dalam kajian ini. Ini kerana kajian ini menerokai proses adaptasi belia tentang hubungan IPDTK dalam ruang lingkup nilai agama dan budaya yang tidak disentuh oleh sarjana barat sebelum ini. Model dan teori seperti yang di utarakan oleh sarjana barat seperti Engestrom (1997) dan Wenger et al. (2006) tidak begitu jelas mengaitkan proses ini dalam konteks nilai agama dan budaya, malah hanya membincangkan daripada perspektif yang secular sifatnya. Ini kerana manusia memerhatikan dan belajar melalui apa yang diperhati dan ditafsirkan dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka (Bandura, 1971; Maisto, Carey, & Bradizza, 1999). Berdasarkan kajian ini, diharapkan ia mampu membantu belia untuk memerhati bagaimana rakan mereka membentuk hubungan IPDTK secara yang positif. Beliau juga berpandangan bahawa melalui sosialisasi, intim profesional dan keserakanan mungkin akan berlaku mengikut situasinya. Mereka berkomunikasi, berhubung, berbincang dan menyumbang idea bermanfaat untuk organisasi dalam konteks Komuniti Pengamal atau *Community of Practice* (CoP) (Wenger, 2004 & Holland, 2009). Ini kerana komuniti pengamal adalah satu kelompok informal yang menghimpunkan segolongan individu daripada pelbagai bidang pengalaman, kepakaran serta pengetahuan untuk menyumbang idea dengan tujuan memperbaiki atau mencapai sesuatu matlamat (Lave, 1991; Alan Frost, 2010; Zulfa Avidiansyah, 2011).

Pada kebiasaannya perhubungan di tempat kerja, kakitangan akan berkomunikasi dan di antara satu sama lain dalam satu kumpulan secara intim profesional (Seok-Hwi Song, 2005 & Donohoe, Francis, & Ph, 2010). Ini kerana IPDTK adalah hubungan persahabatan dan perkongsian daripada banyak aspek yang melibatkan perkongsian ikatan emosi sesama pekerja terutama dalam kalangan belia. Belia sangat mementingkan hubungan antara sesama mereka dalam alam pekerjaan dan kehidupan seharian. Oleh kerana banyak masa yang dihabiskan di tempat kerja, maka lazimnya belia akan membentuk hubungan persahabatan yang erat, intim dan rapat melibatkan pelbagai jenis aras persahabatan seperti kemesraan, kasih sayang, keintiman dan kerjasama.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian, analisis ini bertujuan menjawab persoalan seperti yang berikut:

1. Apakah makna dinamika IPDTK perspektif belia muslim?
2. Bagaimanakah IPDTK berlaku dalam kalangan belia muslim?
3. Sejauh manakah IPDTK memberi kesan kepada Pembangunan Belia Positif (PYD)?
4. Bagaimanakah belia muslim menyantuni IPDTK?

1.5 Objektif

Berdasarkan persoalan kajian, secara umumnya kajian ini bertujuan untuk memahami fenomena IPDTK. Manakala objektif khusus bagi kajian ini ialah:

1. Untuk mendapatkan makna dinamika IPDTK perspektif belia muslim.
2. Untuk memahami IPDTK yang berlaku dalam kalangan belia muslim.
3. Untuk mengetahui kesan IPDTK kepada Pembangunan Belia Positif (PYD).
4. Untuk mengetahui cara belia muslim menyantuni IPDTK.

Kepentingan Kajian

Persahabatan di tempat kerja selalunya berkait dengan banyak proses penting dan tindakan seperti kepuasan bekerja, pembangunan kerjaya, daya kreativiti, dan kebolehan membuat keputusan. Ia juga mempunyai perkaitan rapat dengan IPDTK dan golongan belia yang mempunyai isu dalam perkara ini. Oleh yang demikian, kajian ini sangat diperlukan untuk mencari jawapan adakah generasi belia muslim untuk mereka benar-benar memahami apakah makna, punca, kesan dan akibat daripada fenomena IPDT ini.

Kepentingan Terhadap Masyarakat

Berdasarkan kajian yang dilakukan ini, adalah amat penting kefahaman kepada konsep ini dalam pembinaan jatidiri belia muslim yang mampan (Fadillah Mansor, 2008; Ismail, Najihuddin, & Hassan, 2013), mempunyai daya tahan dan daya juang yang tinggi serta berintegriti yang amat diperlukan dalam membentuk pelapis nuasa kepimpinan negara (Azimi Hamzah, 1996). Kemahiran berkomunikasi *Interpersonal*, fasih berbicara, kebolehan memimpin, bijak membuat keputusan serta sentiasa bermotivasi dan mampu mendorong orang lain adalah ciri-ciri pembinaan belia positif yang sepatutnya dibangunkan dalam organisasi (Gaur & Ebrahimi, 2013). Oleh itu, kajian ini sangat penting untuk dijadikan panduan kepada golongan belia muslim di negara ini di dalam mempelajari kemahiran perhubungan di tempat kerja agar belia muslim yang terbentuk adalah generasi belia muslim yang mampu berkomunikasi secara cemerlang dan berhikmah di tempat kerja dalam mempersiapkan kebolehmengjadi pemimpin yang berkaliber di masa hadapan.

1.5.1 Kepentingan Terhadap Dasar-Dasar Kerajaan

Kajian mengenai IPDTK ini sangat penting kerana ia dapat membantu pihak yang berkepentingan dalam membina garis panduan perhubungan di tempat kerja (Nazari Ismail, 2007) bagi mana-mana organisasi seperti di institusi kerajaan contohnya Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan atau Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. Ia juga dapat memberikan sumbangan yang signifikan terutamanya kepada generasi belia berkaitan dengan

pendidikan perhubungan di tempat kerja (Zilberstein & Spencer, 2017). Hasil kajian ini dapat memberi garis panduan tatacara adab dan tingkahlaku dalam perhubungan secara profesional di tempat kerja mengikut budaya dan nilai positif yang berpaksikan kepada nilai agama dan budaya Muslim di tempat kerja.

1.5.2 Kepentingan Terhadap Polisi Organisasi

